

05/03/1997

Contohi kegigihan pelumba LTDL '97

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

MINGGU lalu, pulau legenda ini menerima kunjungan ahli sukan yang saya anggap paling gagah di dunia bagi menyertai peringkat akhir perlumbaan basikal Le Tour de Langkawi (LTDL) '97.

Mereka dianggap gagah kerana keupayaan mengayuh basikal lebih 1,000 kilometer mengelilingi negara dari Sabah sehingga ke Perlis dan mendaki bukit, termasuk berkayuh ke puncak Genting Highlands.

Daya ketahanan diri, mental dan fizikal serta tahap profesionalisme pelumba antarabangsa bukan sahaja perlu dicontohi ahli sukan negara, malah setiap penduduk negara.

Bagi penduduk Langkawi yang sempat menyaksikan pelumba membuat kayuhan dan pecutan, seharusnya mencontohi keupayaan dan kesungguhan mereka untuk mencipta kejayaan tanpa mengira penat lelah selepas berkayuh menjelajahi seluruh negara.

Ia penting kerana kita tidak mahu ada yang ketinggalan hasil pertumbuhan pulau ini yang sekarang mengalami perubahan ketara dari segi pembangunan sehingga ada yang menganggap Langkawi sudah atau 'over-developed' walaupun dinafikan sesetengah pihak, termasuk kerajaan.

Sebenarnya, jika anda ke Langkawi, bukan semua penduduknya menikmati kemakmuran dan kejayaan pulau itu menggamit lebih 1.5 juta pelancong setiap tahun, pembinaan beratus-ratus hotel serta rumah penginapan atau kecemerlangan menganjurkan pelbagai pameran antarabangsa, seperti Pertunjukan Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima).

Malah, pembinaan stesen satelit pertama negara, Measat di Gunung Raya yang menjadi kebanggaan negara tidak memberi faedah secara langsung kepada penduduk Langkawi.

Jika memandu dari pekan Kuah ke Pantai Cenang, Pantai Tengah atau Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, di Padang Mat Sirat untuk ke beberapa hotel enam bintang serta Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) - dewan tempat Lima diadakan - anda boleh melihat banyak rumah usang seperti di tempat lain di kawasan pedalaman.

Begitu juga, sawah padi masih diusahakan walaupun pendapatannya tidak seberapa, manakala kedai papan buruk masih boleh dilihat, termasuk di pekan serta kawasan tumpuan pelancong.

Suasana ini adalah bukti bahawa tidak semua penduduk Langkawi kaya raya atau bergelar jutawan seperti beberapa rakan mereka yang menjual tanah bernilai sehingga RM2 juta.

Yang pasti, hasil mahsul yang ditinggalkan oleh Mahsuri lebih banyak dinikmati usahawan atau ahli perniagaan dari luar pulau ini, termasuk dari negara asing.

Manakala kebanyakan penduduk tempatan hanya mendapat serpihan atau faedah sampingan sahaja, hasil peluang pekerjaan dan perniagaan yang dibawa oleh usahawan besar dari luar.

Justeru, cabaran kepada penduduk Langkawi ialah memastikan mereka serta generasi akan datang juga menikmati kemakmuran pulau itu atau terpaksa kekal seperti sekarang.

Dan semangat yang harus dimiliki ialah seperti yang ditonjolkan pelumba LTDL yang memiliki keupayaan dan kesungguhan untuk muncul juara sebenar.

Selain itu, ketika menyebut kemeriahan dan kejayaan penganjur LTDL, iaitu First Cartel (M) Sdn Bhd sehingga mendapat pujian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, saya mengambil kesempatan mengucapkan takziah kepada keluarga tiga mangsa pesawat Cessna 172 milik Mofaz Air

yang terhempas ketika membuat liputan perlumbaan basikal ketiga terbesar di dunia itu.

(END)